



SESI bergambar peserta bersama penceramah daripada SPR Malaysia.

SPR Malaysia, JHEP adakan simulasi pilihanraya di UMS

UG 25.10.2018 B2

KOTA KINABALU: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia bersama Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Program Pendidikan Dalam Pilihanraya Bersama Universiti Awam seluruh negara bagi tahun 2018 pada 21 Oktober 2018 di Dewan Serbaguna, Kolej Kediaman Tun Fuad, UMS.

Tujuan latihan ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan

kepada mahasiswa dan mahasiswi UMS tentang tatacara proses pilihanraya dilaksanakan.

Penceramah jemputan daripada pihak SPR iaitu Timbalan Pengarah Akademi Pilihanraya Norlinah Jamman, yang menyampaikan taklimat dan sesi praktikal kepada mahasiswa mahasiswi UMS.

Di antara pengisian program berkenaan adalah sesi pengenalan kepada SPR dan sesi 'Proses Pilihanraya: Apa Yang

Perlu Anda Tahu' di mana proses pengurusan dijalankan seperti proses pilihanraya sebenar, dilaksanakan termasuk tatacara pembuangan undi.

Seramai hampir 50 orang mahasiswa dan mahasiswi UMS terlibat dalam program ini.

Turut hadir Hilda Sagulu selaku penyelar program berkenaan bersama staf JHEP Rohaizam Lamdin dan Ridzal Mohd Shaffri serta mahasiswa mahasiswi UMS.